Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Berita Harian
AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA
KHAMIS, 4 FEBRUARI, 1982

RENCANA PENGARANG

KEKECOHAN YANG MERUGIKAN UMNO

MESYUARAT UMNO Bahagian Rantau Panjang baru-baru ini telah mencatit suatu sejarah baru dalam parti itu; tetapi ia bukanlah sejarah yang diingininya. Belum pernah lagi pergaduhan berlaku dalam sebarang mesyuarat UMNO sebelumnya. Pertentangan memang kerap wujud tetapi selamanya ia dilahirkan dalam perdebatan dan pidato yang petah saja.

Amalan demokrasi fikiran serta kewarasan inilah yang telah menjulang imej UMNO, menjadikannya parti yang disegani serta dihormati, memampatkan kedudukan dan kewibawaannya. Malangnya peristiwa di Rantau Panjang itu, dan di Lebuh Aceh, Pulau Pinang, jika laporan-laporan awal mengenainya benar, telah mencacatkan rekod cemerlang itu. Kini kebimbangan mulai timbul apakah peristiwa tersebut adalah permulaan bagi suatu kecenderungan baru dalam mesyuarat-mesyuarat UMNO akan datang.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, memberi amaran keras bahawa tindakan disiplin yang tegas akan diambil ke atas ahli-ahli yang menimbulkan kekacauan dalam sebarang mesyuarat UMNO dan yang tidak mengikut peraturan. Beliau juga mengingatkan bahawa percakaran sama sendiri yang serius, terutama dalam waktu-waktu menjelang pilihanraya, akan hanya menguntungkan musuh-musuh UMNO. Kebenaran kata-kata beliau itu tidaklah perlu dijelaskan lagi.

Sebagai sebuah parti yang matang dan menjadi tulang belakang politik negara ini, tentulah ahli-ahlinya cukup waras untuk melihat akibat buruk yang akan menimpa UMNO jika kekuatan lengan dibiarkan mengeruhkan kebijaksanaan fikiran. Adalah amat malang jika segelintir pemimpinnya cuba mengocak emosi ahli untuk kepentingan diri sendiri. Perubahan kuasa dan perebutan untuknya bukanlah perkara yang ganjil dalam mana-mana parti politik. Tetapi tujuan perubahan itu, cara perebutan dilakukan serta waktunya berlaku akan menentukan untung rugi parti berkenaan. Perebutan dengan memperalat ahli dan menggunakan kekuatan tenaga tidak akan menguntungkan sesiapa kecuali lawan. Bila ia berlaku menjelang pilihanraya seperti sekarang jelaslah apa motif sebenar mereka yang melancarkannya.

Bukanlah rahsia lagi bahawa parti-parti lawan sekarang sedang memperkuat kedudukan dan menyusun strategi dengan mengumpulkan isu-isu yang hangat. Kekecohan dalam parti teras Barisan Nasional tentunya merupakan senjata baru yang mencerahkan lagi peluang mereka dalam pilihanraya akan datang. UMNO sepatutnya menyatukan tenaga, bersama dengan komponen Barisan Nasional yang lain, untuk menghadapi cabaran parti-parti lawan itu. Tenaga tidaklah sepatutnya terbuang kerana percakaran sama sendiri; kepercayaan rakyat tidak harus diluntukan oleh kepentingan peribadi seorang berdua "komando" politik.